

## 2 penguat kuasa DBKL diserang penjaja

**Kuala Lumpur:** Dua anggota penguat kuasa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) diserang penjaja tidak berlesen di Jalan Tuanku Abdul Rahman di sini, dalam dua kejadian berasingan kelmarin.

DBKL dalam kenyataan semalam berkata dua laporan polis dibuat berhubung kejadian berkenaan kerana mendatangkan kecederaan kepada anggota penguat kuasa.

“DBKL memandang serius insiden provokasi serta mendatangkan kecederaan ke atas anggota penguat kuasa yang sedang menjalankan tugas pemantauan di Bazar Ramadan dan Aidilfitri.

“Tugas penguatkuasaan diambil bagi memastikan peniaga beroperasi secara sah dan memberi peluang kepada lebih ramai usahawan kecil untuk berniaga,” kata kenyataan itu.

Katanya, tindakan penguatkuasaan hanya dilaksanakan apabila individu yang terlibat tidak mengendahkan teguran diberikan dan terus beroperasi secara tidak sah.

“Malah, terdapat segelintir individu yang bertindak membuat provokasi melampau terhadap petugas DBKL,” katanya.

DBKL dalam kenyataan itu berkata, kadar sewaan tapak bazar Ramadan di ibu negara amat berpatutan bagi memastikan setiap individu yang layak untuk berniaga dalam keadaan selamat dan teratur.

Bagaimanapun, masih ada segelintir peniaga tanpa lesen yang masih berdegil dan tidak menghormati undang-undang malah mencederakan pegawai penguat kuasa DBKL yang menjalankan tugas.

Menurutnya, peluang untuk menjaja di bazar Ramadan dan Aidilfitri dibuka secara adil kepada semua pihak yang memenuhi syarat yang ditetapkan.